

31 AUG 2003

Syed Hamid-Pas

PAS TAK LAKU UNTUK PENGARUHI NEGARA ISLAM LAIN, KATA SYED HAMID

KUALA LUMPUR, 31 Ogos (Bernama) -- Keupayaan Malaysia menyuarakan pendapat mengenai Islam di arena antarabangsa mencerminkan kegigihan kerajaan dalam menjaga kepentingan agama Islam, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Beliau berkata negara-negara Islam memandang tinggi Malaysia kerana berusaha meningkatkan imej Islam di kaca mata dunia.

"Apa juga yang Malaysia buat, kita berjaya capai kecemerlangan, kita dapat melahirkan kesederhanaan, persepsi yang positif terhadap Islam," katanya dalam temubual bersama Bernama menjelang Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 pada Oktober ini.

Beliau ditanya sama ada ia sesuatu yang mengecewakan kerana walaupun banyak negara Islam melihat Malaysia sebagai contoh negara Islam yang berjaya, Pas tidak beranggapan begitu.

"Kita dapat menyuarakan pendapat Islam di arena antarabangsa. Jadi Pas dah tak laku, Sebab itu dia sekarang main isu-isu yang remeh," kata Syed Hamid.

Beliau berkata kepercayaan yang diberikan kepada Malaysia untuk menganjurkan sidang kemuncak OIC dan kemudiannya memimpin pertubuhan itu untuk tempoh tiga tahun akan datang menunjukkan keyakinan pihak luar terhadap kerajaan.

Sidang kemuncak itu akan diadakan dari 11 hingga 18 Okt di Putrajaya, yang pertama kali dijadikan tumpuan perarakan sempena Hari Kebangsaan ke-46 peringkat nasional hari ini.

Dalam perutusan Hari Kebangsaan melalui radio dan televisyen malam tadi, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membidas puak yang mengembang dan memupuk sifat tidak berterima kasih kepada pihak yang memberi pertolongan dan membawa nikmat bagi kemajuan negara.

Dalam kenyataan yang jelas ditujukan kepada Pas, Dr Mahathir berkata puak berkenaan yang berpendapat mereka juga boleh menjayakan negara jika mereka berkuasa, sebenarnya mengkhianati Islam dan umat Islam.

Syed Hamid berkata Pas hanya mencari kesilapan-kesilapan orang lain kerana parti itu hanya mempunyai matlamat politik.

"Kita mesti meunjukkan Pas yang sebenar, sebuah parti yang jumud, yang tidak langsung dalam perjuangannya menegakkan Islam," katanya.

Sila layari [www.bernama.com/oicsummit](http://www.bernama.com/oicsummit) untuk berita berkaitan Sidang Kemuncak OIC Putrajaya.

-- BERNAMA

AZZ AZZ PR